



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("**Notis**") menetapkan bagaimana SYARIKAT PENDIDIKAN STAFFIELD BERHAD (No. Syarikat: 171840) atau dikenali sebagai KOLEJ TUANKU JA'AFAR ("**Kolej tersebut**") mengumpul, mengguna, merekod, memegang, menyimpan, memproses, menzahirkan, melindungi dan menjalankan apa-apa pengendalian terhadap Data Peribadi alumninya dan orang lain sepertinya yang mana Data Peribadinya telah diberikan kepada Kolej tersebut ("**Subjek Data**"). Notis tersebut selanjutnya berkaitan dengan keselamatan dan penyimpanan Data Peribadi anda, dan hak-hak dan obligasi anda berkenaan dengan Data Peribadi anda. Notis ini disediakan mengikut syarat Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010.

1. DATA PERIBADI

- 1.1 "**Data Peribadi**" tersebut yang anda memberi atau telah diberi kepada Kolej termasuklah tetapi tidak terhad kepada nama, nombor NRIC atau nombor passport, maklumat hubungan, alamat kediaman, gambar, gambar elektronik, jantina, umur, kewarganegaraan, tarikh lahir, tahun pengajian di Kolej, destinasi university, ijazah yang sedang dikejar atau yang telah diperolehi, hobi atau minat, maklumat pekerjaan, nama dan nombor NRIC atau nombor passport pasangan, bilangan anak, nama, umur, persekolahan atau maklumat pekerjaan anak-anak, dan apa-apa maklumat yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Subjek Data, dari mana Subjek Data mungkin boleh dikenal pasti atau dapat dikenal pasti daripada maklumat tersebut, yang dikumpulkan, direkodkan, dipegang atau disimpan oleh Kolej, termasuk mana-mana Data Peribadi Sensitif yang akan ditakrifkan di perenggan 1.2 di bawah.
- 1.2 "**Data Peribadi Sensitif**" tersebut yang anda memberi atau telah diberi kepada Kolej termasuklah tetapi tidak terhad kepada kaum atau asal etnik, kesihatan fizikal atau mental atau keadaan, rekod perubatan, maklumat tentang sebarang keperluan atau kesukaran sokongan pembelajaran, maklumat tentang sebarang kecacatan fizikal atau mental, kepercayaan agama atau falsafah atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, dan pelakuan atau didakwa melakukan apa-apa kesalahan atau apa-apa Data Peribadi lain yang bersifat sensitif.
- 1.3 Sebagai tambahan kepada Data Peribadi yang anda memberi kepada Kolej secara langsung (sama ada pada masa penerimaan atau kemasukan kepada Kolej sebagai seorang pelajar atau setelah pengijazahan dari Kolej), Kolej juga boleh mengumpul Data Peribadi anda dari pelbagai sumber-sumber lain di mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk penzahiran maklumat berkenaan dengan Subjek Data dan/atau di mana selainnya dibenarkan secara sah, termasuk tanpa had, dari pihak ketiga melalui rujukan atau sumber yang sah, laman web alumni, institusi-institusi pendidikan lain, tempat kerja anda, hasil carian CTOS, hasil carian CCRIS, hasil carian



muflis, atau melalui akses anda ke laman web Kolej atau laman web alumni di mana suatu “cookies HTTP” mungkin dihantar dari laman web dan disimpan di komputer atau peranti anda oleh pelayar web anda semasa anda melayari.

- 1.4 Ia adalah sukarela untuk anda memberikan Data Peribadi Subjek Data kepada Kolej. Walau bagaimanapun, jika anda tidak memberikan Data Peribadi, Kolej mungkin tidak dapat melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 2.1 di bawah secara berkesan atau apa-apa tujuan-tujuan lain yang tidak dinyatakan secara khusus di sini tetapi diperlukan untuk tujuan Kolej melaksanakan apa-apa hak atau obligasi yang berkaitan dengan melindungi kepentingan vital Subjek Data.

2. TUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

- 2.1 Data Peribadi Subjek Data akan digunakan dan diproses oleh Kolej bagi tujuan yang termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut:
- (1) untuk menjalankan aktiviti atau program yang berkaitan dengan promosi dan advokasi untuk Kolej meningkatkan imej Kolej dan mewakili Kolej dengan sebaik mungkin;
 - (2) untuk mendapatkan input berharga anda untuk memberi ulasan positif mengenai Kolej di laman web Kolej atau di laman web sokongan bagi ulasan institusi pengajian tinggi;
 - (3) untuk berkongsi cerita, kemenangan dan berita anda berkenaan dengan perkembangan peribadi dan kerjaya anda;
 - (4) untuk memberi peluang komersial dan sosial kepada anda;
 - (5) untuk memberi faedah kepada anda seperti peluang perniagaan atau pekerjaan, peluang bayangan kerja atau rangkaian professional;
 - (6) untuk memberi perkembangan peribadi atau sokongan mentor kepada anda;
 - (7) untuk bekerjasama dengan anda dalam pelbagai projek atau acara Kolej, termasuk tetapi tidak terhad kepada Hari Kerjaya, acara pengumpulan dana, acara penerimaan dan pertandingan;



- (8) untuk berkongsi pengalaman, nasihat, sokongan kerjaya atau bimbingan anda dengan pelajar-pelajar semasa Kolej yang akan mencapai pengijazahan dari Kolej;
 - (9) untuk mentor dan membimbing pelajar-pelajar semasa Kolej berdasarkan bidang kepakaran atau minat anda;
 - (10) untuk menjalankan atau mengambil bahagian dalam apa-apa kajian atau tinjauan pasaran yang dilakukan oleh syarikat pihak ketiga dengan tujuan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada peningkatan perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh Kolej;
 - (11) untuk penggunaan dalam penerbitan atau siaran akhbar Kolej atau pihak ketiga untuk meraikan Kolej atau aktiviti-aktiviti, pencapaian atau kejayaan anda;
 - (12) untuk menyampaikan notis-notis penting berkenaan dengan apa-apa perubahan acara, aktiviti, program, polisi atau peraturan Kolej yang mungkin akan menjejaskan anda;
 - (13) untuk melaksanakan analisis statistik;
 - (14) untuk mengekalkan hubungan baik dengan anda;
 - (15) untuk menjaga dan melindungi kepentingan dan kebajikan pelajar-pelajar;
 - (16) untuk Kolej berkomunikasi dengan anda atau menghubungi anda untuk semua tujuan yang dinyatakan di atas; dan
 - (17) untuk Kolej mematuhi dengan apa-apa syarat undang-undang atau peraturan berkenaan dengan penyediaan perkhidmatan pendidikan Kolej di bawah apa-apa syarat undang-undang yang dapat dikaitkan, peraturan, undang-undang kecil, garis panduan, arahan atau apa-apa perintah mahkamah yang dapat dikaitkan kepada Kolej.
 - (18) untuk penyimpanan kami, pengehosan sandaran (sama ada pemulihan atau sebaliknya) Data Peribadi anda, sama ada di dalam dan/atau di luar Malaysia.
- 2.2 Data Peribadi Subjek Data dan Data Peribadi Sensitif yang diberikan kepada Kolej sedang diproses sama ada oleh Kolej atau oleh pihak ketiga lain bagi pihak Kolej.
- 2.3 Kolej hendak berhubung dengan anda, untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas, sama ada melalui e-mel, surat biasa, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), mesej WhatsApp dan apa-apa aplikasi komunikasi atau Chat.



- 2.4 Jika anda tidak bersetuju dengan Kolej untuk memproses Data Peribadi anda untuk apa-apa tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1, sila memberitahu Kolej dengan menghubungi Kolej melalui butiran kenalan yang dinyatakan di perenggan 6.1 di bawah.
- 2.5 Walau apa pun yang disebutkan di atas, Kolej boleh memproses Data Peribadi Subjek Data tanpa persetujuan Subjek Data jika dibenarkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 atau apa-apa undang-undang lain yang berkaitan.
- 2.6 Kolej bagaimanapun tidak akan memproses Data Peribadi Sensitif Subjek Data tanpa persetujuan eksplisit Subjek Data atau melainkan jika diperuntukkan di bawah Seksyen 40 Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010.

3. PENZAHIRAN DATA PERIBADI

- 3.1 Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada Kolej atau diperoleh oleh Kolej hendak dirahsiakan oleh Kolej. Walau bagaimanapun, Kolej mungkin diperlukan untuk menzahirkan dan memindahkan Data Peribadi Subjek Data kepada pihak-pihak berikut:
- (1) Jabatan dan pihak berkuasa kerajaan;
 - (2) Universiti dan sekolah;
 - (3) Juruukur pasaran atau juruukur statistik;
 - (4) Syarikat atau entiti pihak ketiga untuk tujuan berkenaan dengan peluang komersial, sosial, rangkaian professional, perniagaan dan pekerjaan yang diberikan kepada anda;
 - (5) Penderma atau syarikat pihak ketiga;
 - (6) Media atau syarikat penerbitan atau platform;
 - (7) Syarikat, entiti atau penyedia perkhidmatan pihak-pihak ketiga yang dilantik oleh Kolej untuk melaksanakan perkhidmatan tertentu bagi pihak Kolej, termasuk seperti berikut:
 - (a) Ejen tinjauan atau syarikat pasaran atau statistik; dan
 - (b) Syarikat acara.



- (8) pusat-pusat data dan/atau pelayan yang terletak di dalam atau di luar Malaysia untuk tujuan penyimpanan data;
 - (9) Pemberi kemudahan simpanan dan perisian.
- 3.2 Kolej juga boleh menzahirkan dan memindahkan Data Peribadi Subjek Data kepada mana-mana badan berkanun yang berkaitan, badan pengawalselia, pihak berkuasa tempatan dan/atau pihak berkuasa kerajaan lain di mana diperlukan, dan mana-mana orang yang memerlukan Kolej untuk membuat demikian menurut arahan atau perintah badan berkanun, badan pengawalselia, pihak berkuasa tempatan dan/atau pihak berkuasa kerajaan yang lain.
- 3.3 Data Peribadi anda mungkin disimpan sama ada dalam bentuk salinan cetak di kolej atau disimpan dalam sistem di Malaysia atau dengan penyedia perkhidmatan yang berada di luar Malaysia. Kami mungkin perlu memindahkan Data Peribadi anda ke luar Malaysia jika mana-mana pihak ketiga yang disebut dalam Seksyen 3 (Pendedahan Data Peribadi) di atas termasuk penyedia perkhidmatan kami yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada kami berada atau mempunyai pelayan atau kemudahan simpanan di negara luar Malaysia.
- 3.4 Anda membenarkan kami untuk memindahkan Data Peribadi anda ke luar Malaysia kepada mana-mana pihak ketiga dan untuk tujuan-tujuan seperti yang ditetapkan di dalam Seksyen 2 (Tujuan Memproses Data Peribadi).
- 4. EMEL DAN LAMAN WEB**
- 4.1 Segala Data Peribadi yang diberikan melalui pendaftaran anda melalui laman web Kolej dan laman web alumni dan apa-apa Data Peribadi yang terdapat dalam e-mel dan mesej 'Hubungi Kami' yang dihantar melalui laman web Kolej dan laman web alumni kepada Kolej hendak digunakan dan diproses dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kandungan mesej hendak dikawal dengan ketat oleh Kolej.
- 4.2 Jika anda tidak ingin Data Peribadi anda untuk dikumpulkan melalui "cookies" di laman web, sila konfigurasi pelayar internet anda untuk memadamkan atau nyahaktifkan "cookies".
- 4.3 Laman web Kolej dan laman web alumni mungkin mengandungi pautan ke laman web lain dan halaman yang tidak dimiliki oleh Kolej. Kolej tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa Data Peribadi atau maklumat yang anda mungkin akan memberi kepada entiti lain melalui pautan tersebut.



5. KESELAMATAN DAN PENYIMPANAN DATA PERIBADI

- 5.1 Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada Kolej hendak disimpan dengan selamat oleh Kolej melalui langkah-langkah dan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang munasabah dan sesuai untuk mengelakkan apa-apa pemprosesan, kehilangan atau kerosakan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, perubahan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan atau tidak sah kepada Data Peribadi tersebut.
- 5.2 Kolej akan berusaha untuk mengambil semua langkah untuk memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kecekapan kakitangan Kolej yang mempunyai akses kepada Data Peribadi serta untuk memastikan bahawa semua pihak ketiga yang terlibat dalam memproses Data Peribadi telah mengambil langkah-langkah dan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang munasabah dan sesuai untuk mengelakkan mana-mana pemprosesan, kehilangan atau kerosakan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, perubahan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan atau tidak sah kepada Data Peribadi tersebut.
- 5.3 Segala Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada Kolej hendak disimpan oleh Kolej selama diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 di atas, atau jika penyimpanan tersebut diperlukan menurut mana-mana syarat undang-undang, pengawalseliaan atau perakaunan.
- 5.4 Di mana Data Peribadi tidak lagi diperlukan oleh Kolej, Kolej akan berusaha untuk mengambil semua langkah munasabah untuk memastikan bahawa ia adalah dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal.

6. PERMINTAAN UNTUK AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI ANDA

- 6.1 Kolej mengambil langkah yang wajar untuk memastikan bahawa Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada Kolej adalah tepat. Walau bagaimanapun, anda boleh pada mana-mana masa selepas ini untuk meminta akses kepada, pembaikan atau pembetulan Data Peribadi Subjek Data, atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi Subjek Data oleh Kolej, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi tertakluk kepada pengecualian dan sekatan seperti yang terkandung di bawah undang-undang yang dapat dikaitkan. Jika anda ingin melakukannya, sila hubungi:

Marketing & Admissions

+606 850 5555

alumni@ktj.edu.my

Anda juga boleh menghubungi Kolej melalui butiran kenalan di atas jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi Subjek Data yang diberikan kepada Kolej.



- 6.2 Kolej akan berusaha untuk mematuhi dengan permintaan anda untuk mengakses Data Peribadi Subjek Data dalam masa 21 hari sejak penerimaan permintaan anda dan membekalkan anda dengan sesalinan Data Peribadi yang diperbetulkan dan juga membekalkan mana-mana pihak ketiga yang mana Data Peribadi telah dizahirkan.
- 6.3 Sila mengambil maklum bahawa Kolej mempunyai hak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau membuat apa-apa pembetulan kepada Data Peribadi Subjek Data dalam situasi tertentu, yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada situasi di mana Kolej tidak boleh mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta mempunyai sifat komersial yang sulit atau sekiranya perbelanjaan untuk memberi akses tersebut tidak setimpal dengan risiko kepada privasi anda atau di mana pemprosesan Data Peribadi Subjek Data sedang dikawal oleh mana-mana pihak ketiga lain yang melarang Kolej mematuhi (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian) dengan permintaan anda, atau di mana akses tersebut diatur oleh undang-undang lain.

7. OBLIGASI ANDA

- 7.1 Anda mempunyai tanggungjawab untuk memberi Data Peribadi yang tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini kepada Kolej tentang Subjek Data dan Data Peribadi orang lain yang anda memberi kepada Kolej dan untuk mengemas kini Data Peribadi semasa dan bila ia menjadi tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemas kini dengan menghubungi Kolej melalui butiran kenalan di atas. Obligasi ini adalah untuk mengelakkan pemberian maklumat yang tidak tepat kepada mana-mana pihak oleh Kolej.
- 7.2 Sekiranya anda harus memberi kami dengan Data Peribadi berkenaan dengan pihak ketiga seperti pasangan suami isteri dan anak-anak, anda mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan mereka atau sebaliknya anda berhak untuk memberikan Data Peribadi mereka dan untuk kami memprosesnya dengan sewajarnya dan bahawa anda telah memastikan bahawa mereka telah membaca Notis Perlindungan Data Peribadi Kolej yang dapat diperoleh di laman web alumni.

8. PINDAAN KEPADA NOTIS

Kolej mempunyai hak untuk meminda atau mengubah Notis ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu kepada anda dan versi yang dikemas kini hendak dikenakan dan menggantikan apa-apa dan semua versi sebelumnya. Sila menyemak laman web alumni untuk versi terkini Notis ini.